



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**JUMAAT 3 OKTOBER 2025**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                                             | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b> |
|------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| 1.         | 'CANGKUL' REZEKI DENGAN ULAMAN, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 13                                           | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)      |
| 2.         | PENANG FISHERIES PROBING RELEASE OF INVASIVE SPECIES DURING CONTEST, NATION, NEW STRAITS TIMES, M/S – 8 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)      |
| 3.         | RIBUAN IKAN MATI DI SUNGAI BERA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 11                                |                                       |
| 4.         | SUNGAI BERA KERAP TERCEMAR, NEGARA, KOSMO, M/S – 14                                                     |                                       |
| 5.         | PERUNDING MAJLIS PERKAHWINAN BERALIH KE BIDANG PERTANIAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28       | LAIN-LAIN                             |
| 6.         | USIR LEMBU : 176 PENTERNAK RAYU DIBERI KAWASAN BAHARU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29          |                                       |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|---------|------------|
| 3/10/2025 | HARIAN METRO | LOKAL   | 13         |

BEKAS KONTRAKTOR TELEKOMUNIKASI KINI AGROPRENEUR BERJAYA

# 'Cangkul' rezeki dengan ulaman

**2030 PERAK SEJAHTERA**

Oleh Muhamad Lokman Khairi  
lokman.khairi@hmetro.com.my

Teluk Intan

**K**eputusan bekas kontraktor telekomunikasi ini 'balik kampung' dan menceburi bidang pertanian ulam di Kampung Banjar, di sini, lapan tahun lalu berbaloi apabila dapat menjana pendapatan bulanan.

Nor Azlan Abdul Rahman, 43, yang sebelum ini bekerja di Kajang, Selangor berkata, keputusan itu dibuatnya atas niat menjaga ibunya, Maznah Hassan, 70, yang tinggal berseorangan di kampung selepas bapanya meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.

Menurutnya, pada peringkat awal, dia memulakan perniagaan dengan

menjual benih sayur-sayuran terutama ulam-ulaman kerana mendapati kurangnya pengusaha dalam nurseri sayur di pekan berkenaan.

"Saya tanam ulam raja dan daun selom di tepi rumah, kemudian hasilnya saya jual di pasar malam."

"Selain itu, saya juga menjual benih, tanah baja dan ubat serangga."

"Dari situ, perniagaan berkembang sehingga saya dapat membangunkan kebun seluas 0.5 ekar tanaman ulam dan terbaharu, empat ekar untuk tanaman pisang sejak beberapa bulan lalu, kini menanti hasil pertama," katanya.

Bapa dua anak itu berkata, perjalanan sebagai pekebun di kampung tidak sentiasa mudah, namun sokongan padu dari pelbagai agensi kerajaan negeri menjadi tunjang kejayaannya.

"Jabatan Pertanian Perak membantu menerusi program Agropreneur Muda, dengan geran bernilai RM20,000 yang saya terima pada 2023."

"Geran ini digunakan

**"Saya percaya dengan sokongan berterusan daripada agensi kerajaan dan semangat juang yang tinggi, pertanian ini bukan sahaja dapat menjana pendapatan berbalai, malah dapat membina komuniti yang lebih berdikari"**

Nor Azlan

untuk pembinaan rumah hijau berukuran 20x30 kaki yang membolehkan tanaman sayur lebih rintang cuaca ekstrem dan memastikan hasil pengeluaran yang optimum," katanya.

Selain itu, katanya, Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) turut memberikan bantuan peralatan jentera traktor yang memudahkan dan memper-

cepat kerja di kebun serta bantuan sistem boring (telaga air bawah tanah), empat tahun lalu.

Beliau berkata, bantuan itu membuktikan komitmen Jabatan Pertanian Perak dan Perak SADC sebagai agensi peneraju flagship Lembah Bakul Makanan (Keterjaminan Makanan) seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Nor Azlan berkata, dia mendapat sokongan kuat dari keluarga terutama isteri, Norhasniza Ayob, 40, yang sentiasa membantu urusan perniagaan.

"Mula-mula dahulu memang hendak mulakan semula hidup baharu di kampung, tapi kami nekad. Alhamdulillah, saya anggap ini adalah rezeki asbab menjaga kebajikan ibu tersayang," katanya.

Berkat hasil jualan sayur-sayuran dan pengurusan kewangan yang baik, Nor Azlan berkata, dia berjaya membina sendiri sebuah rumah kayu tradisional pada 2018, dengan kos



NOR Azlan menunjukkan kobis yang ditanam di kebunnya dekat Kampung Banjar, Teluk Intan.

pembinaan sekitar RM30,000, tanpa perlu berhutang.

Kini, dia aktif memberikan kursus fertigasi dan landskap di sekolah sekitar Teluk Intan, selain mengajar orang kampung untuk menanam sayur.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha untuk me-

mupuk minat pertanian dalam kalangan komuniti.

"Saya percaya dengan sokongan berterusan daripada agensi kerajaan dan semangat juang yang tinggi, pertanian ini bukan sahaja dapat menjana pendapatan berbalai, malah dapat membina komuniti yang lebih berdikari," katanya.

3/10/2025

NEW  
STRAITS  
TIMES

NATION

8



A screen grab from a video posted to the Seberang Prai City Council Facebook page showing catfish being released into a retention pond.

## CATFISH CONCERN

# Penang Fisheries probing release of invasive species during contest

**GEORGE TOWN:** The Penang Fisheries Department is investigating the release of an invasive fish species during a recent fishing competition organised by the Seberang Prai City Council (MBSP).

The department said it was awaiting a formal response from the council to complete its review and determine follow-up action.

It said under the Guidelines for Fish Release by the Public, only indigenous fish species could be released into public waterways.

The introduction of non-native or invasive species is strictly prohibited due to the risk of disrupting biodiversity, damaging natural habitats and threatening native fish populations through predation and competition.

Penang Fisheries director Zarina Zainuddin said it was important for everyone to protect Malaysia's aquatic ecosystems.

"We remain committed to safeguarding the sustainability of our natural fishery resources.

"We strongly encourage all parties to consult with us before con-

ducting any fish release activities.

"This is crucial to ensure such actions do not harm the ecological balance we all depend on."

The department reiterated that all fish stocking or release programmes must receive prior approval to ensure they were properly managed and compliant with national conservation guidelines.

However, MBSP has denied releasing 350kg of African catfish into a retention pond as part of the competition.

It said only 150 catfish were released as a promotional attraction for the competition and they were not intended to remain in the retention pond.

It said caught fish were not released back into the pond, but were distributed to the public or anglers to take home.

It said 113 fish, about 75 per cent of the total released, were caught.

As an additional control measure, the organiser installed nets at every water inlet and outlet to prevent fish from escaping the MBSP retention pond.

| TARIKH    | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 3/10/2025 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11         |



KEJADIAN ribuan ikan di Sungai Bera, Pahang mati sejak Jumaat lalu dipercayai kesan sisa kilang di pinggir sungai berkenaan adalah yang terburuk setakat ini.

# Ribuan ikan mati di Sungai Bera

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD  
utusannews@mediamulia.com.my

**BERA:** Nelayan darat dan pemancing tempatan mendesak tindakan tegas pihak berkuasa bagi menamatkan pencemaran Sungai Bera, di sini yang saban tahun mengakibatkan kematian ikan tetapi tidak pernah diberi penyelesaian tuntas.

Kejadian bermula 26 September lalu didakwa paling buruk apabila lebih 5,000 ikan pelbagai spesies termasuk baung, patin dan lampam mati serta timbul di kawasan Lubuk Tembangan serta jajaran utama Sungai Bera yang selama ini terkenal sebagai lubuk ikan eksotik.

Seorang pemancing, Abdul Ghafar Abdul Ghani, 48, berkata, dia menyedari kejadian tersebut ketika turun memancing seorang pada Ahad lalu sekitar pukul 8

malam.

"Saya sudah lebih 10 tahun memancing di Sungai Bera. Malam itu saya dapat maklumat ikan mabuk dan mati, ada yang kata sebab air kilang," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Abdul Ghafar, pada sebelah petang hari yang sama, rakan-rakannya ternampak penduduk kampung menyauk ikan berhampiran Loji Air Bera 2 walaupun mengetahui risiko pencemaran.

"Kejadian ini berlaku setiap tahun. Kalau bukan sebab tuba, mesti sebab air kilang. Banyak aduan dibuat tapi sekadar melepas batok di tangga. Bukti jelas ada, tapi pihak bertanggungjawab tetap terlepas," dakwanya.

Difahamkan, pencemaran dipercayai bermula di Sungai Serting berhampiran Kampung

Lubuk Tembangan sebelum menular ke Sungai Bera.

Sementara itu, Ketua Pengerah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, kandungan oksigen terlarut rendah dan tahap ammonia tinggi dikenal pasti punca utama kematian pelbagai spesies ikan di Sungai Bera, sejak Jumaat lalu.

Menurutnya, analisis awal sampel air yang dihantar ke Makmal Biosekuriti Perikanan di Kuantan menunjukkan paras oksigen di kawasan itu berada di bawah tahap normal untuk hidupan akuatik.

"Apabila oksigen terlarut terlalu rendah, ikan tidak dapat bernafas dengan baik, manakala kadar amonia yang tinggi pula meningkatkan tekanan ekosistem sehingga menyebabkan kematian ikan secara berkelompok," katanya.

# Sungai Bera kerap tercemar

- Nelayan mahu ada tindakan tegas
- Ancam hidupan spesies eksotik

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD

**BERA** – Nelayan dan pemancing mendesak pihak berkuasa supaya mengambil tindakan tegas ke atas pihak yang menyebabkan pencemaran Sungai Bera hingga mengakibatkan ribuan hidupan air mati.

Mereka mendakwa, kejadian itu berulang hampir setiap tahun tanpa penyelesaian menyeluruh apatah lagi kejadian kali ini merupakan paling serius pernah berlaku.

Seorang pemancing, Abdul Ghafar Abdul Ghani, 48, berkata, pencemaran mengakibatkan pelbagai spesies ikan eksotik seperti baung, patin dan lampam mati serta timbul di kawasan Lubuk Tembangan.

"Saya terkejut apabila mendapati ribuan ikan mati ketika hendak memancing pada pukul 8 malam Ahad lalu.

"Setiap tahun benda sama berlaku. Kalau bukan sebab tuba, mesti sisa buangan kilang, namun tiada tindakan tegas walaupun aduan telah dibuat," katanya.

Menurut Abdul Ghafar, dia mendapat tahu ikan mabuk dan mati pada sebelah malam selepas penduduk menyauk hidupan air itu pada sebelah petang di Loji Air Bera 2 walaupun menyedari risikonya.

Semalam *Kosmo!* melaporkan penduduk di sekitar Sungai Bera di sini, gempar apabila ribuan ikan pelbagai spesies ditemui mati terapung sejak Jumaat lalu dipercayai akibat pencemaran air.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam dan Dakwah Islam Malaysia Daerah Bera, Mat Jidi Yaakob dilaporkan berkata, pen-



**PIHAK JAS mengambil sampel air Sungai Bera bagi mengenal pasti punca sebenar ribuan ikan mati di Bera.**

tidak percaya kejadian itu berpunca daripada pembuangan sisa kilang atau racun perosak yang mengalir ke Sungai Bera.

Sementara itu, Pegawai Daerah Bera, Datuk Ahmad Nasim Mohd. Sidek berkata, pencemaran yang mengakibatkan ribuan ikan mati itu dalam keadaan terkawal dengan dipantau rapi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan.

"Indikator semasa menunjukkan peningkatan positif tahap kebersihan air, namun punca

sebenar kejadian masih dalam siasatan dan kami sedang menunggu keputusan analisis sampel daripada Jabatan Kimia untuk pengesahan.

"Pihak JAS juga sedang memeriksa semua kilang dalam kawasan Sungai Serting bagi memastikan tiada lagi sumber pencemaran," katanya.

Menurut Ahmad Nasim, Pihak Berkuasa Tempatan turut memantau kilang-kilang dalam sektor sawit dan getah bagi memastikan pematuhan peraturan alam sekitar dipertingkatkan.

Katanya lagi, ketua kampung dan penghulu juga telah diminta menyalurkan maklumat daripada nelayan sungai tempatan berhubung perubahan atau insiden luar biasa di kawasan terbabit.

## Ribuan ikan mati di Sungai Bera dipercayai akibat pencemaran

**BERA** – Penduduk di sekitar Sungai Bera di sini, gempar apabila ribuan ikan mabuk dan mati terapung sejak Jumaat lalu dipercayai akibat pencemaran air.

Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Islam dan Dakwah Islam Malaysia Daerah Bera, Mat Jidi Yaakob berkata, pencemaran yang mengakibatkan ribuan ikan mati itu dalam keadaan terkawal dengan dipantau rapi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan.

"Indikator semasa menunjukkan peningkatan positif tahap kebersihan air, namun punca

**KERATAN  
KOSMO!  
semalam.**



**RIBUAN ikan daripada pelbagai spesies mati akibat pencemaran yang berlaku di Sungai Bera.**

| TARIKH    | MEDIA              | KUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 3/10/2025 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 28         |

# Perunding majlis perkahwinan beralih ke bidang pertanian

Oleh MEGAT LUTFI  
MEGAT RAHIM  
utusannews@mediamulia.com.my

**SUNGAI SIPUT:** Pengusaha nurseri, Ardiana Edayu Abdullah, 40, membuktikan wanita juga boleh berjaya dalam bidang pertanian, pekerjaan yang sinonim dengan golongan lelaki.

Mengusahakan lebih 300 jenis varieti anak pokok buah-buahan, sayur-sayuran, ulam-ulaman, herba dan bunga hiasan sejak tiga tahun lalu di Taiping, wanita itu meraih pendapatan yang tinggi setiap bulan hasil perniagaannya itu.

Sebelum ini dia merupakan seorang perunding majlis perkahwinan namun kerana persaingan yang sengit menyebabkan dia beralih ke bidang pertanian samaian anak pokok.

“Saya menceburi bidang ini kerana semua orang meminati pokok, tumbuhan dan bunga yang boleh ditanam di rumah walaupun halamannya agak terhad selain boleh dinikmati hasilnya.

“Memang mencabar untuk menjaga lebih 300 jenis tanaman di nurseri ini yang perlu dijaga dengan rapi.

“Semua aspek perlu dijaga



**ARDIANA Edayu Abdullah menunjukkan anak pokok yang dijual pada karnival Perak Agrofest 2025 di Ladang Infoternak Sungai Siput, Perak baru-baru ini. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM**

terutamanya melibatkan pembajaan, penyiraman dan penggunaan racun yang betul bagi mengelak serangan penyakit.

“Walaupun disemai dalam kawasan tertutup dan berbung, ia perlu dijaga dengan sebaiknya bagi memastikan kualiti yang terbaik kepada pelanggan,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* pada karnival Perak Agrofest 2025 di Ladang Infoternak Sungai Siput baru-baru ini.

Menurutnya, sekiranya tidak terlibat dalam ekspo atau pameran, sebahagian besar masanya dihabiskan di tapak samaian di Taiping seluas 0.40 hectar bagi memastikan tanaman yang disemai sentiasa dalam berkeadaan baik.

Katanya, setiap anak pokok dijual bermula dengan harga RM1 hingga RM1,000 mengikut saiz, keunikannya selain bilangan tahun telah dijaga.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|------------|
| 3/10/2025 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 29         |



R. VIJAYAGANDI menyerahkan surat bantahan kepada Mohamad Firdaus Shir Mohd. di Bangunan SUK, Shah Alam, Selangor semalam. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

## Usir lembu: 176 penternak rayu diberi kawasan baharu

**SHAH ALAM:** Kerajaan Selangor digesa segera campur tangan bagi menyelesaikan isu pengusiran ternakan lembu di Ladang SD Guthrie, Sabak Bernam yang masih berlarutan sehingga kini.

Gesaan itu susulan pelaksanaan operasi penangkapan terbaharu dilakukan pihak berkuasa di kawasan ladang berkenaan, kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Gabungan Penternak Marhaen Nasional, R. Vijayagandi berkata, tindakan itu menjejaskan penternak yang juga pemilik kepada lebih 600 lembu berkenaan.

Katanya, penternak kini buntu memikirkan keadaan haiwan berkenaan berikutan larangan memasuki ladang tersebut.

"Mereka bimbang sekiranya ada daripada lembu itu mati dan mungkin akan berkeliaran

di kawasan awam jika tidak dikawal dengan baik.

"Kami menggesa kerajaan negeri segera campur tangan bagi menyelesaikan isu itu dengan baik bukan saja di Sabak Bernam malah kawasan lain," katanya ketika ditemui di hadapan Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), semalam.

Terdahulu, beliau menyerahkan surat bantahan berkaitan isu itu kepada Pegawai Khas kepada Setiausaha Politik Menteri Besar, Mohamad Firdaus Shir Mohd.

*Utusan Malaysia* pada 23 Januari lalu melaporkan notis pengusiran ternakan kepada penternak lembu ditentukan pihak ladang dan kerajaan Selangor tidak mempunyai kuasa untuk membatalkannya.

Exco Kemajuan Desa, Perpa-

duan dan Pengguna negeri, Datuk Rizam Ismail berkata, keputusan itu merupakan polisi dalaman oleh SD Guthrie berikutan tanah ladang berkenaan adalah milik syarikat.

Kira-kira 176 penternak sebelum itu meminta kerajaan negeri menyediakan tempat baharu bagi meneruskan perusahaan ternakan lembu mereka apabila menerima notis pengusiran tersebut.

Mereka mendakwa kesal dengan notis itu yang disifatkan sebagai tergesa-gesa dengan memberi tarikh akhir pemindahan pada 31 Januari.

Pada 18 Disember tahun lalu, pihak Ladang SD Guthrie diarah segera memindah dan mengosongkan lebih 1,000 lembu milik penternak yang berkeliaran sehingga mengakibatkan kemalangan maut.